



JABATAN PERHUTANAN SABAH
PETI SURAT 68, 90009, SANDAKAN, MALAYSIA
TEL : +6 089 242 500

ANNUAL WORK PLAN
2020
PROJEK SFM SUGUT
SUGUT CONSERVATION AREA




RANCANGAN KERJA TAHUNAN TAHUN 2020

PENGESAHAN RASMI

DISEDIAKAN OLEH:	COP RASMI
Tandatangan  Nama: MARKUS SALUTAN Pengurus Lapangan Projek SFM SUGUT	 MARKUS SALUTAN
Nama Projek: PROJEK SFM SUGUT	Tarikh: 02/03/2020

DIPERIKSA DAN DIPERAKUI OLEH:	COP RASMI
Tandatangan  Nama: AG MOHD ADZRUL BIN AG AHMAD PEGAWAI PERHUTANAN DAERAH BERLURAN	 AG MOHD ADZRUL BIN AG AHMAD
PEGAWAI PERHUTANAN DAERAH BERLURAN	Tarikh: 02.03.2020

DILULUSKAN OLEH:	COP RASMI
Tandatangan  DATUK MASHOR MOHD JAINI KETUA KONSERVATOR HUTAN	 KETUA KONSERVATOR HUTAN
KETUA KONSERVATOR HUTAN	Tarikh: 13.05.2020

ISI KANDUNGAN		
TAJUK	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0	PENDAHULUAN	1
2.0	LATAR BELAKANG KAWASAN PROJEK	2
3.0	OBJEKTIF PENGURUSAN	3
4.0	ORGANISASI PENGURUSAN DAN PENYEDIAAN KAKITANGAN	4
5.0	RINGKASAN PELAKSANAAN AWP 2019	7
6.0	AKTIVITI AWP 2020 PROJEK SFM HUTAN SIMPAN TRUSAN SUGUT	10
	6.1 PEMBANGUNAN PRASARANA DAN INFRASTRUKTUR	10
	6.2 KESELAMATAN HUTAN	11
	6.3 WILDLIFE MONITORING	11
	6.4 LOGISTIK	12
	6.5 PENSIJILAN	12
	6.6 PENTADBIRAN PROJEK SFM SUGUT	12
7.0	RINGKASAN ANGGARAN PERBELANJAAN AKTIVITI AWP 2020 PROJEK SFM HUTAN SIMPAN TRUSAN SUGUT	13
8.0	RINGKASAN PELAKSANAAN AWP 2020	14
9.0	JADUAL PELAKSANAAN KOMPONEN AKTIVITI AWP 2020 PROJEK SFM HUTAN SIMPAN TRUSAN SUGUT	16
10.0	CABARAN PELAKSANAAN AWP 2019	18
11.0	KESIMPULAN	19
12.0	LAMPIRAN	20

**RANCANGAN KERJA TAHUNAN (AWP 2020)
PROJEK SFM SUGUT
SUGUT CONSERVATION AREA**

1.0 PENDAHULUAN

Rancangan Kerja Tahunan (AWP) ini merupakan pelaksanaan Projek Pemulihan & Konservasi Hutan dalam konsep Sustainable Forest Management (SFM) dalam Hutan Simpan Trusan Sugut Beluran. Ianya dirangka semula sebagai lanjutan usaha Jabatan Perhutanan Sabah ke arah pemulihan hutan dan Eko Pelancongan sebagai teras baharu pengekalan hutan yang sedia ada dibawah urustadbir Jabatan Perhutanan Sabah.

AWP 2020 ini merupakan kesinambungan aktiviti yang diperlukan dalam FMP SUGUT, iaitu matlamat utamanya adalah masih meneruskan aktiviti-aktiviti Pemulihan Hutan dengan kaedah rawatan Silvikultur dan penanaman buah-buahan pada kawasan-kawasan yang agak terbuka akibat aktiviti pembalakan lama dan kebakaran hutan. Selain itu, AWP 2020 juga merangkumi pembangunan prasarana dan infrastruktur, perlindungan hutan, logistik, pemantauan hidupan liar, latihan dan aktiviti sosial (aktiviti bersama Komuniti dan Stakeholder) serta Pensijilan Forest Stewardship Council (FSC).

Pelaksanaan AWP 2019 dapat dijalankan dengan jayanya. Stesen Perhutanan Projek SFM Sugut telah dirasmikan oleh Datuk Sam Mannan, mantan Ketua Konservator Hutan Sabah pada bulan Ogos 2017. Selain itu, projek SFM Sugut juga telah mendapat pengiktirafan sebagai "Well Managed Forest" dan dianugerahkan Sijil Forest Stewardship Council (FSC).




RAJAH 1 Well Managed Certification

2.0 LATAR BELAKANG KAWASAN PROJEK

2.1 Lokasi Kawasan Projek dan Keluasan Hutan Simpan Trusan Sugut

Kawasan Projek SFM Sugut adalah melibatkan Hutan Simpan Trusan Sugut yang terletak di bawah kawalan Pejabat Perhutanan Daerah Beluran iaitu di selatan Sungai Sugut pada kedudukan 117.58E – 117.73E dan 6.28N – 6.41N. Jumlah keluasan kawasan ini adalah 8,680 hektar. Kawasan ini boleh diakses melalui jalan IJM Sabang yang bersambung dengan Jalan Sapi – Pitas sejauh 48KM (gravel). Manakala jarak dari Sandakan ke Simpang Jalan IJM ialah lebih kurang 270KM. Jalan laut dan sungai juga boleh digunakan untuk masuk ke SFM Sugut dari Jeti Pekan Beluran ke Pangkalan Sg Timbang. Bagi memudahkan perancangan dan pengurusan, keseluruhan kawasan ini telah dibahagikan kepada 15 compartment yang dibentuk berpandukan topografi, stratum hutan, jalan dan sungai yang sedia ada seperti dalam Rajah 2.1



RAJAH 2.1 : Pembahagian Compartment SFM Sugut

3.0 OBJEKTIF PENGURUSAN

Matlamat pengurusan utama Hutan Simpan Trusan Sugut dilaksanakan adalah langkah kearah pemuliharaan hutan jangka panjang terhadap pelbagai jenis hutan dan ekosistem lain yang ada di rizab termasuk hidupan liar yang mendiami kawasan itu, fungsi ekologi hutan dan untuk memastikan kelestarian hutan.

Ini termasuk matlamat pengurusan secara spesifik 5 hingga 10 tahun seperti berikut:

- I. Perlindungan dan pemulihan pelbagai jenis hutan di kawasan ini, seperti hutan Dipterokarp tanah rendah, hutan paya air tawar dan bakau, serta kawasan riparian;
- II. Pemuliharaan spesies mamalia, burung dan pokok yang terancam seperti Orang Utan, Bangkatan, Burung Hantu Helmet dan pelbagai jenis pokok Dipterocarp;
- III. Meningkatkan struktur hutan dan kepelbagaian spesies pokok dengan rawatan silvikultur dan restorasi hutan;
- IV. Memperbaiki kawasan hutan yang terjejas disebabkan oleh aktiviti pembalakan lalu dan kerosakan disebabkan kebakaran melalui restorasi;
- V. Memulihkan *connectivity* antara Trusan Sugut FR dan rizab hutan simpan berhampiran untuk memperluaskan habitat untuk spesies hidupan liar seperti Banteng, Harimau Dahan dan Beruang Madu;
- VI. Pengurusan terhadap Nilai Konservasi Tinggi yang dikenalpasti di hutan; dan
- VII. Melindungi dan meningkatkan perkhidmatan alam sekitar yang disediakan oleh hutan.

Matlamat ini akan dicapai sebahagian besarnya dengan mengurangkan ancaman kepada hutan dan hidupan liar dengan usaha pemulihan hutan yang segera dan berkesan.

Objektif pengurangan ancaman khusus (skala 1 – 2 tahun) termasuk:


- I. Mengurangkan ancaman kepada hutan dan spesies pokok melalui pengawasan dan penguatkuasaan terhadap pencerobohan dan pembalakan haram;
- II. Mengurangkan ancaman kepada spesies hidupan liar dengan melakukan rondaan dan penguatkuasaan undang-undang terhadap pemburu haram dan pemancing ikan di kawasan yang dilarang;
- III. Mencegah dan mengawal kebakaran, persiapan yang cukup semasa musim kemarau El Nino;
- IV. Memantau dan melindungi sungai dan anak-anak sungai dari sumber pencemaran hulu;
- V. Melibatkan komuniti tempatan untuk mengawal sedia penggunaan sumber hutan secara tradisonal, untuk memberi manfaat kepada perkhidmatan alam sekitar dan untuk mendapatkan sokongan untuk perlindungan kawasan ini; dan
- VI. Menggalakkan rekreasi yang teratur dan pelancongan berimpak rendah di hutan ini.

Aktiviti tambahan yang akan dilaksanakan di projek ini ialah:

1. Kapasiti bangunan kakitangan
2. Meningkatkan infrastruktur asas seperti rumah kakitangan dan kemudahan penginapan kepada pengunjung/pelancong.
3. Menambah logistik seperti kenderaan, bot dan sebagainya.

4.0 ORGANISASI PENGURUSAN DAN PENYEDIAAN KAKITANGAN

4.1 Carta Organisasi



4.2 Keperluan Tenaga Kerja

Pelaksanaan Operasi Pemulihan hutan dan konservasi hutan yang berkesan amat memerlukan kakitangan yang komited dan tenaga kerja yang mencukupi. Walaupun sebahagian besar aktiviti-aktiviti pemulihan itu dilaksanakan secara kontrak, namun perkhidmatan kakitangan khusus Projek adalah diperlukan secara tetap di dalam kawasan projek. Dari segi geografi kawasan Hutan Simpan Trusan Sugut ini, Bahagian Timur yang bersempadankan bakau Kuala Bonggaya Kuala Labuk yang luas dan sering berhadapan dengan ancaman pencurian kulit tangar dan penebangan kayu geriting (diubah menjadi papan dan beruti). Bahagian Barat bersempadankan ladang sawit yang sering digunakan oleh pemburu-pemburu untuk masuk berburu. Dengan jumlah kakitangan yang sedia ada masih tidak efisien untuk memantau dan mengekang keseluruhan aktiviti-aktiviti pencerobohan haram tersebut. Keperluan penambahan tenaga kerja juga amatlah diperlukan untuk menjalankan aktiviti pemantauan di Hutan Simpan Trusan Sugut.

Bagi memenuhi permintaan perkhidmatan tenaga ini, adalah dicadangkan daripada kalangan kakitangan-kakitangan Jabatan yang telah mengikuti kursus Perhutanan, jumlah kakitangan yang diperlukan untuk melaksanakan projek ini ialah sekurang-kurangnya 21 orang, ini termasuk Pengurus Lapangan, Kakitangan Lapangan dan Pemandu serta Jurumudi. Setakat ini jumlah kakitangan yang ada pada 2020 ialah 12 orang. Walaupun desakan tenaga kerja tinggi, sehingga kini hanya mendapat 1 pelantikan baharu kakitangan kontrak sebagai Pekerja Rendah Awam. Untuk AWP 2020, Pengurusan lapangan memerlukan sekurang-kurangnya 6 orang (2 Renger Hutan, 4 Pengawas Hutan) ditempatkan sepenuhnya di Pejabat Projek. Penambahan tenaga kerja amat penting dalam melaksanakan tugas harian di Hutan Simpan Trusan Sugut. Anggaran kos penyeliaan dan pengurusan lapangan, iaitu pembayaran elaun kakitangan adalah seperti di Jadual 4.2

Jawatan	Bilangan Kakitangan	Hari/Bulan	Bulan/Tahun Bekerja	Kadar EGT	Jumlah (RM)
Pegawai Pengawal Projek	1	5	6	103.33	3,099.90
Pengurus Lapangan	1	12	12	93.32	13,438.08
Renjer Hutan	2	12	12	93.32	26,876.16
Pengawas Hutan	4	12	12	83.33	11,999.52
Pemandu/Jurumudi/PRA	3	18/12	12	73.00	42,048.00
JUMLAH ANGGARAN KOS ELAUN KAKITANGAN					97,461.66

4.3 Keperluan Pengurusan dan Penyelenggaraan Tapak Projek

Kemudahan-kemudahan asas yang telah disediakan adalah Pejabat, sebuah rumah staf, semua rumah pengurus projek, sebuah kabin, sebuah jeti, sebuah bangsal penginapan (asrama), VIP Resthouse, Resthouse (Pejabat Lama), tandas awam, stor, kemudahan sistem bekalan air, dua buah bangunan genset, stor api, sebuah pondok sampah kitar semula dan helipad. Adalah dianggarkan bajet untuk menyelenggara segala kemudahan yang sedia ada supaya sentiasa dalam keadaan yang baik dan sempurna, dari masa ke semasa, lebih kurang sebanyak RM50,000.00 dianggarkan bagi perbelanjaan pengurusan dan penyelenggaraan base camp dan pembelian peralatan sokongan. Pecahan peruntukan ini khusus dikendalikan oleh Pegawai Pengawal Peringkat Daerah adalah untuk memudahkan pihak pengurusan lapangan membuat kerja-kerja rutin. Di jadual 4.3

Keperluan	Kuantiti	Anggaran Kos (RM)
Pembelian mesin potong rumput	3 buah	7,000.00
Battery Camera Trap (Setahun)	9 buah camera	6,300.00
Perolehan alat ganti motosikal	2 buah	2,500.00
Penyediaan & Penyelenggaraan Kemudahan Base Camp	Sistem Air dan Sabun Peralatan Kebersihan	7,000.00
Penyelenggaraan landscape	Baja dan Bunga	4,700.00
Pembekalan Chainsaw	1 buah	2,500.00
Pembekalan alat ganti kerosakan/pembaikan mesin fotostet, lampu bangunan, mesin rumput, pam air, chainsaw dan lain-lain		20,000.00
JUMLAH		50,000.00

4.4 Keperluan Tambahan Projek SFM Sugut melalui Pengurusan Pentadbiran Jabatan

Keperluan tambahan bagi melaksanakan rutin kerja seharian adalah seperti dalam jadual 4.4 Keperluan ini amat penting kerana kawasan pemantauan yang luas melibatkan kawasan Hutan Simpan Trusan Sugut, Hutan Simpan Sugut, sempadan kampung, ladang dan kawasan bakau.

Keperluan	Kuantiti	Anggaran Kos (RM)
Kenderaan 4x4 Toyota Vigo	2 buah	300,000.00
Bot dan Enjin 40 hp	2 bot 2 enjin	100,000.00
Bot dan Enjin 80 hp	1 bot 1 enjin	55,000.00
Genset 5kVA (untuk 1 tapak perkhemahan sementara)	1 buah	15,000.00
Pengambilan Kakitangan Baru	6 orang	*Gaji dan Elaun
JUMLAH		470,000.00

5.0 RINGKASAN PELAKSANAAN AWP 2019

Berikut merupakan anggaran perbelanjaan untuk pelaksanaan dan pencapaian AWP 2019:

Jadual 4.5

PERUNTUKAN	JUMLAH ASAL (RM)	JUMLAH DIGUNA (RM)	BAKI DUIT YANG ADA (RM)
RMK-11	960,000.00	714,412.03	245,587.97
S 16 Agro	105,877.65	105,877.65	0.00
PPM	132,254.20	25,944.25	106,309.95
JUMLAH PERBELANJAAN	1,198,131.85	846,233.93	351,897.92

BIL	AKTIVITI	LOKASI	SASARAN	PENCAPAIAN
1	Pemuliharaan Hutan			
	a. Penanaman Pelbagai Spesies Buah-Buahan hutan	Cpt 8 & 9	10 Ha	100%
	b. Pembersihan sempadan	Cpt 12,13,8,7	10 Ha	100%
	c. Penanaman Bakau	Cpt 15	10 Ha	100%
	d. Penyelenggaraan dan Sulaman tanaman	Cpt 10	Digugurkan	Tiada peruntukan
2	Meningkatkan Keselamatan Kawasan HCV 1:1, HCV 5, HCV 6	LOKASI	SASARAN	PENCAPAIAN
	a. Pembekalan & Pemasangan papan tanda FD	TSFR	100 Keping	100%
	b. Rondaan Udara	TSFR	4 kali	100%
	c. Rondaan Darat	TSFR	Rutin	100%
	d. Rondaan Laut & Sungai	TSFR	Rutin	100%
3	Wildlife Monitoring & Perolehan Maklumat HCV 1.2, HCV 1.3, HCV 4.1	LOKASI	SASARAN	PENCAPAIAN
	a. Penanaman Rumput untuk wildlife (Tembatau)	Cpt 10	5 Ha	100%
	b. Pembinaan Bunut Tiruan (Artificial Saltlick)	Cpt 10	1 buah	100%
	5 Perolehan Bateri 2A untuk Camera Trap	TSFR	48 batang	Tiada peruntukan
	6 Kajian Taburan dan Pemetaan Orang Utan	TSFR	Keseluruhan	Tiada peruntukan
4	Pensijilan FSC (Forest Stewardship Council)	LOKASI	SASARAN	PENCAPAIAN
	a. Persediaan FSC Audit 2017 (Dokumen & Lapangan)	TSFR	Dokumen & Lapangan	100%
	b. Aktiviti bersama Komuniti dan Stakeholder	TSFR	Dokumen & Lapangan	100%
	c. Latihan/Kursus Kakitangan SFM Sugut	TSFR	Dokumen & Lapangan	100%
	d. Mesyuarat Keselamatan dan Kesihatan	TSFR	Dokumen & Lapangan	100%
5	Pembangunan Infrastruktur dan Prasarana	LOKASI	SASARAN	PENCAPAIAN
	a. Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan	Main Road	5.8 KM	100%
	b. Pembinaan Wildlife Observation Tower	Cpt 10	1 buah	100%
	c. Pembinaan Surau	Cpt 2	1 buah	100%
	d. Pembinaan Tandas Awam	Jeti Sg Timbang 1	1 buah	100%
	e. Pembinaan Nurseri	Cpt 4	1 buah	100%
	f. Pembinaan Tandas Awam	Puncak Fidelis cpt 5	1 buah	Tiada Peruntukan
	g. Menaiktaraf tandas wanita	Base Camp Cpt 2	1 buah	Tiada peruntukan
	h. Pemasangan Panel Solar	Base Camp Cpt 2	1 buah	Tiada Peruntukan

	i. Pemasangan Gate	HS Sugut kelas 1	1 buah	Tiada peruntukan
	j. Menaiktaraf Trail Nephentis	Cpt 2	1 buah	Tiada peruntukan
	k. Pembinaan Rumah Staf	Base Camp Cpt 4	Artisan Line	Tiada peruntukan
	l. Penyelenggaraan Bangunan dan Landskap	Base Camp & Asrama	Keseluruhan	Tiada Peruntukan
	m. Pembinaan Dewan Serbaguna	Base Camp Cpt 2	1 buah	Tiada Peruntukan
	n. Pembinaan Concrete Signboard	Gate Utama Cpt 2	1 buah	Tiada peruntukan
6	Logistik	LOKASI	SASARAN	PENCAPAIAN
	a. Penyelenggaraan Enjin Genset	TSFR	1 kali	100%
	b. Penyelenggaraan Water Pump	TSFR	1 kali	100%
	c. Pemasangan Telekomunikasi 12 Walkie Talkie dan pemasangan repeater	TSFR	3 buah	100%
	d. Penyelenggaraan Kenderaan	TSFR	4 kali/tahun	100%
	e. Pembekalan Spot Light dan Bateri	TSFR	6 buah	Tiada Peruntukan
	f. Pembekalan Bateri Drone Phantom 4 Pro	TSFR	1 buah	Tiada Peruntukan
7	Pentadbiran Projek SFM Sugut	LOKASI	SASARAN	PENCAPAIAN
	a. Penyeliaan & Penyelenggaraan Projek	TSFR	Dokumen & Lapangan	100%
	b. Keperluan Kakitangan Tambahan	TSFR	8 Orang	Tiada Peruntukan

6.0 AKTIVITI AWP 2020 PROJEK SFM HUTAN SIMPAN TRUSAN SUGUT

6.1 PEMBANGUNAN PRASARANA DAN INFRASTRUKTUR

6.1.1 Penyelenggaraan Jalan Kumbawon dari KM 1 – KM 4

- Perjanjian (PPA) dan Map (SCA Sugut)
- Skop Kerja; menabur batu dan meratakan permukaan jalan
- Anggaran kos **RM200,000.00 (RMke11)**
- Dijangka bermula (April hingga Jun 2020) – Tertakluk peruntukan

6.1.2 Pembinaan Trail Untuk Hiking sejauh 7KM

- Perjanjian (PPA) dan Map (SCA Sugut)
- Skop Kerja
 - Pembukaan laluan 3 meter lebar sepanjang trail 7 km
 - Pembinaan titian 3'x12' di 12 lokasi
 - Pemasangan Tali Reflect dipilih sepanjang 7km
 - Pembinaan tangga di 10 lokasi
 - Pemasangan arah tuju dipilih sepanjang 7km
 - Pembinaan Pondok Rehat sebanyak 3 buah
 - Spot gravel dipilih sepanjang 7km
- Anggaran Kos **RM 160,000.00 (RMke11)**
- Dijangka bermula (Mac – Jun 2020) – tertakluk peruntukan

6.1.3 Pembinaan Signboard Konkrit dan Signboard Informasi

- Perjanjian (PPA) dan Map (SCA Sugut)
- Skop Kerja
 - Signboard Konkrit bertapak 12'x5', struktur binaan 10'x1'x7'
 - Signboard Informasi, struktur binaan 4'x1'x7'
 - Gambar dan fon tulisan di atas aluminium mengikut saiz struktur signboard
- Anggaran Kos **RM 70,000.00 (RMke11)**
- Dijangka bermula (April – Mei 2020) – tertakluk peruntukan

6.1.4 Pengubahsuaian Tandas Vip

- Perjanjian (PPA) dan Map (SCA Sugut)
- Skop Kerja
 - Saiz asal 4'x5' diubah kepada 4'x7'
 - Pembekalan simen, atap, cat, pintu, jubin dan mozek
 - Membekal kelengkapan tandas seperti mangkuk tandas, singki, shower dan cermin muka
- Anggaran Kos **RM 80,000.00 (S16 Agro)**
- Dijangka bermula (April – Jun 2020) – tertakluk peruntukan

6.1.5 Pembinaan Rumaf Staff (Artisan Line)

- Perjanjian (PPA) dan Map (SCA Sugut)
- Skop Kerja
 - Saiz binaan 20'x 60'
 - Pembekalan tangki air – 5 buah
 - Pembekalan tandas – 5 buah
 - Pembekalan paip – 5 buah rumah
 - Pembekalan wiring – 5 buah rumah
 - Pengecatan bangunan – 5 buah rumah

- Membersih kawasan tapak, mengorek, menyimen, memasang komponen binaan dan sebagainya.
 - Anggaran kos **RM 250,000.00 (K75 PPM)**
 - Dijangka bermula (April – Setember 2020) – tertakluk peruntukan
- 6.1.6 Pemasangan gate mengelilingi FCS di HS Sugut class 1
- Skop kerja; membersih kawasan tapak, memasang pagar mengeliling fcs dengan saiz 30m x 40m
 - Anggaran kos **RM 25,000.00 (K75 PPM)**
- 6.2 KESELAMATAN HUTAN**
- 6.2.1 Pembersihan sempadan bahagian barat TSFR sejauh 10KM
- Perjanjian (Daerah) dan Map (SCA Sugut) untuk 10 KM Panjang Sempadan
 - Skop Kerja; membersih lebar 3m (*under brushing* sehingga permukaan tanah), cat merah selang 2m dan pemasangan plat sempadan setiap 300m. Pokok Komersial 10 cm (DBH) ke atas dan pokok-pokok larangan & buah-buahan tidak ditebang.
 - Anggaran kos **RM 50,000.00 (RMke11)**
 - Dijangka bermula (Mac – April 2020) – tertakluk peruntukan
- 6.2.2 Rondaan Udara
- Melalui Pegawai Perhutanan Daerah Beluran
 - Skop pengesanan melalui udara; sebanyak 4 kali setahun untuk mengesan pencerobohan hutan dan kebakaran hutan; 1 kali untuk Nest Counting (Orang Utan)
 - Anggaran kos *Gaji dan Elaun
 - Dijangka bermula (Januari – Disember 2020)
- 6.2.3 Rondaan Darat
- Pengurusan di lapangan
 - Sasaran sepanjang tahun kawasan sempadan IJM, IDC, Sayong Mas, Hibumas dan sempadan kampung.
 - Anggaran kos *Gaji dan Elaun
 - Dijangka bermula (Januari – Disember 2020)
- 6.2.4 Rondaan Laut dan Sungai
- Pengurusan di lapangan
 - Sasaran pemantauan sepanjang tahun di kawasan Sg Timbang I & II, Sg Bibiha, Sg Bangkitan, Sg Tagahang, Sg Pitas, Sg Matumbok, Sg Geriting, Sg Koyak, Sg Sugut dan Sg Sugut Parai
 - Anggaran kos *Gaji dan Elaun
 - Dijangka bermula (Januari – Disember 2020)
- 6.2.5 Pemasangan Gate di Hutan Simpan Sugut Class 1
- Melalui Pejabat Perhutanan Daerah Beluran dan Pejabat SFM Sugut
 - Skop kerja; membersih kawasan tapak dan memasang gate besi
 - Anggaran kos **RM25,000.00 (K75 PPM)**
 - Dijangka bermula (April – Mei 2020)
- 6.3 WILDLIFE MONITORING**
- 6.3.1 Pembekalan bateri camera trap dan bateri gps
- Perjanjian (PPA)
 - Skop Kerja; membekal bateri bagi camera trap dan bateri bagi gps
 - Dijangka bermula (Mac – Disember 2020) – tertakluk peruntukan
- 6.3.2 Perolehan garam Artificial Saltlick untuk wildlife

- Skop kerja; menyediakan 50Kg garam dan 50Kg pasir untuk 1 lokasi. Terdapat 4 lokasi kesemuanya dan bersamaan dengan 1,200Kg
- Anggaran kos **RM 5,000.00 (RMke11)**
- Tempoh pembekalan setiap 2 bulan / tahun
- 6.3.3 Pembersihan padang ragut
 - Skop kerja; membersihkan padang ragut bagi tembadau
 - Tempoh pembersihan setiap 3 bulan / tahun
- 6.3.4 Update laporan wildlife SCA Sugut
 - Skop kerja; menyediakan laporan bulanan mengenai penampakan kehadiran wildlife samada dalam bentuk fizikal, tapak kaki, najis dan sebagainya.
 - Anggaran kos *Gaji dan Elaun
 - Dijangka bermula (Januari – Disember 2020)

6.4 LOGISTIK

- 6.4.1 Perkhidmatan *Servicing Engine Genset, Water Pump, Kenderaan, dan Resthouse*
 - Perjanjian (PPA)
 - Skop Kerja; membekal alat ganti, membaiki dan memasang alat ganti, memeriksa keselamatan peralatan, memotong rumput dan membekal peralatan pembersihan resthouse
 - Anggaran Kos **RM 60,000.00 (RMke11)**
 - Dijangka bermula (Mac – Disember 2020) – tertakluk peruntukan
- 6.4.2 Pembekalan ink printer dan mesin fotokopi
 - Perjanjian (PPA)
 - Anggaran kos **RM 10,000.00 (RMke11)**
 - Dijangka bermula (Mac – Disember 2020) – tertakluk peruntukan

6.5 PENSIJILAN

- 6.5.1 Aktiviti bersama komuniti dan stakeholder serta kursus komuniti,
 - Perjanjian (PPA)
 - Anggaran kos **RM 13,010.03 (RMke11)**
 - Dijangka bermula (Mac – Dis 2020) – tertakluk peruntukan
- 6.5.2 Persediaan Audit FSC
 - Melalui Pejabat Perhutanan Daerah Beluran dan Pejabat SFM Sugut
 - Penyediaan dokumen-dokumen menjawab findings audit dan pembayaran kepada FSC
 - Anggaran kos **RM 50,000.00 (K75 PPM)**
- 6.5.3 Kursus pengendalian pelancong dan lawatan ke kampung Terusan Sugut
 - Program kursus dan latihan ini perlu dilaksanakan agar Kakitangan SFM Sugut, komuniti dan stakeholder dapat memperolehi idea-idea baharu untuk mengendalikan bidang pelancongan di SFM Sugut.
 - Anggaran Kos **RM 13,000.00 (S16 Agro)**
 - Dijangka bermula (Januari – April 2020) – tertakluk peruntukan

6.6 PENTADBIRAN PROJEK SFM SUGUT

- 6.6.1 Perolehan Landskap SCA Sugut
 - Perjanjian (PPA)
 - Skop kerja; Membekal tanaman landskap dan baja
 - Anggaran kos **RM 15,000.00 (RMke11)**
 - Dijangka bermula (Mei – Jun 2020) – tertakluk peruntukan

6.6.2 Penyeliaan dan Penyelenggaraan Projek

- Pengurusan Pejabat SFM Sugut
- Skop kerja; menyelia dan membuat laporan bulanan kepada Pejabat Perhutanan Daerah Beluran
- Anggaran kos *Gaji dan Elaun
- Dijangka bermula (Januari – Disember 2020)

7.0 RINGKASAN ANGGARAN PERBELANJAAN AKTIVITI AWP 2020 PROJEK SFM HUTAN SIMPAN TRUSAN SUGUT

AKTIVITI SFM SCA SUGUT		JUMLAH	
7.1 PEMBANGUNAN PRASARANA DAN INFRASTRUKTUR			
7.1.1	Penyelenggaraan Jalan Kumbawon dari KM 1 – KM 4	200,000.00	(D11)
7.1.2	Pembinaan Trail Untuk Hiking sejauh 7KM	160,000.00	(D11)
7.1.3	Pembinaan Signboard Konkrit dan Signboard Informasi	70,000.00	(D11)
7.1.4	Pengubahsuaian Tandas Vip	80,000.00	(S16)
7.1.5	Pembinaan Rumah Staf (Artisan Line)	250,000.00	(K75)
ANGGARAN KOS PEMBANGUNAN PRASARANA DAN INFRASTRUKTUR		RM 760,000.00	

AKTIVITI SFM SCA SUGUT		JUMLAH	
7.2 KESELAMATAN HUTAN			
7.2.1	Pembersihan sempadan bahagian barat TSFR sejauh 10KM	50,000.00	(D11)
7.2.2	Rondaan Udara	Gaji dan Elaun	
7.2.3	Rondaan Darat	Gaji dan Elaun	
7.2.4	Rondaan Laut dan Sungai	Gaji dan Elaun	
7.2.5	Pemasangan plat kawasan hutan simpan 100 keping	Gaji dan Elaun	
7.2.6	Pemasangan Gate dan pagar keliling FCS- Hutan Simpan Sugut class 1	50,000.00	(K75)
ANGGARAN KOS KESELAMATAN HUTAN		RM 100,000.00	

AKTIVITI SFM SCA SUGUT		JUMLAH	
7.3 WILDLIFE MONITORING			
7.3.1	Pembekalan bateri camera trap dan bateri gps	4,000.00	(D11)
7.3.2	Perolehan garam artificial saltlick untuk wildlife	5,000.00	(D11)
7.3.3	Pembersihan padang ragut	6,000.00	(D11)
7.3.4	Update laporan wildlife SCA Sugut	Gaji dan Elaun	
ANGGARAN KOS WILDLIFE MONITORING		RM 15,000.00	

AKTIVITI SFM SCA SUGUT		JUMLAH	
7.4 LOGISTIK			
7.4.1	Perkhidmatan servicing engine genset, water pump, kenderaan dan resthouse	50,000.00	(D11)
7.4.2	Pembekalan ink printer dan mesin fotokopi	10,000.00	(D11)
ANGGARAN KOS LOGISTIK		RM 60,000.00	

AKTIVITI SFM SCA SUGUT			
------------------------	--	--	--

7.5 PENSIJILAN		JUMLAH	
7.5.1	Aktiviti bersama komuniti dan stakeholder serta kursus komuniti	13,010.03	(D11)
7.5.2	Persediaan Audit FSC	50,000.00	(K75)
7.5.3	Kursus pengendalian pelancong dan lawatan ke Kampung Trusan Sugut	13,000.00	(S16)
ANGGARAN KOS PENSIJILAN		RM 76,010.03	

AKTIVITI SFM SCA SUGUT		JUMLAH	
7.6 PENTADBIRAN PROJEK SFM SUGUT			
7.6.1	Perolehan landskap SCA Sugut	15,000.00	(D11)
7.6.2	Penyeliaan dan Penyelenggaraan Projek	Gaji dan Elaun	
ANGGARAN KOS PENSIJILAN		RM 15,000.00	
JUMLAH KESELURUHAN KOS PELAKSANAAN		RM 1,026,010.03	

8.0 RINGKASAN PELAKSANAAN AWP 2020

BIL	AKTIVITI	LOKASI	SASARAN	%
1	Pembangunan Prasarana dan Infrastruktur			
	a. Penyelenggaraan Jalan Kumbawon	Cpt 3	4KM	
	b. Pembinaan Trail untuk Hiking	Cpt 2 & 3	7KM	
	c. Pembinaan Signboard Konkrit & Signboard Informasi	Base Camp	2 buah	
	d. Pengubahsuaian tandas VIP	Base Camp	1 buah	
	e. Pembinaan Rumah Staff (Artisan Line)	Base Camp	5 buah	
2	Keselamatan Hutan	LOKASI	SASARAN	%
	a. Pembersihan sempadan bahagian barat TSFR	Barat TSFR	10KM	
	b. Rondaan Udara	TSFR	Semua	
	c. Rondaan Darat	TSFR	Semua	
	d. Rondaan Laut dan Sungai	TSFR	Semua	
	e. Pemasangan plat sempadan/kawasan Hutan Simpan	TSFR	100 kpg	
	f. Pemasangan Gate dan pagar keliling FCS- Hutan Simpan Sugut class 1	Sugut class 1	1 buah	
3	Wildlife Monitoring	LOKASI	SASARAN	%
	a. Pembekalan bateri camera dan bateri gps	TSFR	1680 btg setahun	
	b. Perolehan garam Artificial Saltlick untuk wildlife	Cpt 10	4 lokasi	
	c. Pembersihan padang ragut	Cpt 10	1 lokasi	
	d. Update Laporan Wildlife SCA Sugut	TSFR	Setiap bulan	
4	Logistik	LOKASI	SASARAN	%
	a. Perkhidmatan servicing engine genset, water pump, kenderaan dan resthouse	TSFR	4 kali setahun	
	b. Pembekalan ink printer dan mesin fotokopi	Pejabat SFM Sugut	2 kali setahun	
5	Pensijilan	LOKASI	SASARAN	%
	a. Aktiviti bersama komuniti dan stakeholder serta kursus komuniti	TSFR	2 kali setahun	
	b. Persediaan Audit FSC	Pejabat & Lapangan	1 kali setahun	

	c. Kursus pengendalian pelancong & lawatan ke Kampung Trusan Sugut	TSFR dan kampung	1 kali setahun	
6	Pentadbiran Projek SFM Sugut	LOKASI	SASARAN	%
	a. Perolehan Landskap SCA Sugut	Base Camp	Sekeliling pejabat	
	b. Penyeliaan & penyelenggaraan projek	Dokumen & Lapangan		

9.0 JADUAL PELAKSANAAN KOMPONEN AKTIVITI AWP 2020 PROJEK SFM HUTAN SIMPAN TRUSAN SUGUT

KOMPONEN	AKTIVITI 2020	JANUARI	FEBRUARI	MAR	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPTEMBER	OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER
Penyediaan dan Kelulusan	Annual Work Plan												
Pembangunan Prasarana dan Infrastruktur	Penyelenggaraan Jalan Kumbawon dari KM 1 – KM 4												
	Pembinaan Trail untuk hiking sejauh 7KM												
	Pembinaan Signboard Konkrit dan Signboard Informasi												
	Pengubahsuaian Tandas VIP												
	Pembinaan Rumah Staff (Artisan Line)												
Keselamatan Hutan	Pembersihan Sempadan bahagian barat TSFR sejauh 10 KM												
	Rondaan Udara												
	Rondaan Darat												
	Rondaan Laut dan Sungai												
Wildlife Monitoring	Pembekalan bateri camera trap dan bateri gps												
	Perolehan garam artificial saltlick untuk wildlife												
	Pembersihan padang ragut untuk tembadau												
	Update laporan wildlife SCA Sugut												
Logistik	Perkhidmatan servicing engine genset, water pump, kenderaan dan resthouse												
	Pembekalan ink printer dan mesin fotokopi												
Pensijilan	Aktiviti bersama												

10.0 CABARAN PELAKSANAAN AWP 2019

- a) Peruntukan : Pelaksanaan beberapa aktiviti yang telah dirancang bergantung kepada peruntukan yang disalurkan.
- b) Kakitangan : Jika dibandingkan bermula 2014, kebanyakan kakitangan sudah memahami tugas masing-masing. Sungguhpun demikian, jumlah yang sedia ada masih tidak mencukupi untuk memenuhi dalam menjalankan tugas harian disebabkan kawasan dan kawalan yang luas.
- c) Logistik : Kenderaan yang sedia ada masih tidak mencukupi untuk digunakan dalam menjalankan tugas harian seperti menjalankan rondaan dan pemantauan hidupan liar untuk tujuan pensijilan FSC.
- d) Masalah Cuaca : Kelancaran kerja adalah amat bergantung keadaan cuaca yang sering berubah-ubah. Pelaksanaan kerja dilapangan terpaksa ditangguhkan mengikut keadaan cuaca.
- e) Pencerobohan Bakau : Walaupun terpaksa berhadapan dengan ancaman pencerobohan pencuri kulit tangar (Negara jiran Filipina), pemburuan haram (kakitangan estet, komuniti berdekatan hutan simpan dan pemburu daripada luar Paitan). Namun pada tahun 2019 ini, kawasan bakau di bawah Pentadbiran Pengurusan Lapangan SFM Sugut masih selamat.

11.0 KESIMPULAN


Annual Work Plan (AWP) 2020 dirangka untuk kesinambungan aktiviti yang diperlukan dalam FMP. Keperluan yang setiap satunya telah dihuraikan dalam AWP ini sememangnya amat diperlukan dan akan memberi impak yang positif dari segi pelaksanaan kerja dilapangan. Sokongan daripada pihak atasan dan Pegawai Perhutanan Daerah Beluran amat mempengaruhi pencapaian pada tahun 2019.

Anggaran Perbelanjaan keseluruhan Projek SFM Sugut bagi tahun 2020 adalah dianggarkan lebih kurang **RM 1,026,010.03**

Penambahan anggaran kos pelaksanaan ini disebabkan keperluan kepada Prasarana dan Infrastruktur baharu dan penyelenggaraan; penambahan kawasan kawalan dan sebagainya.

12.0 LAMPIRAN

12.1 Pembinaan Rumah Staf (Artisan Line)



12.2 Lokasi pembinaan gate di FCS



12.3 Lokasi pembinaan pagar sekeliling FCS



12.4 Penambakan jalan sepanjang 500m

